

Psikoterapi dan Pembolehubah Konsep Kendiri

(PART 5)


Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

1.2 Pengenalan Kendiri Fenomena

Daripada perbincangan ketiga-tiga model kendiri di atas, maka kertas kerja ini dapat merumuskan dua fakta penting seperti berikut:

- i) Kendiri seseorang tidak dapat dikenali dengan sepenuhnya, padahal ia masih mampu berubah dan berkembang melalui proses pembentukan dan pengenalan diri yang berterusan.
- ii) Dengan itu, penentuan keputusan dan kelakuan seseorang adalah bergantung pada konsep kendirinya yang subjektif dan bahagian ini juga mempunyai kemungkinan untuk berubah. Maka, perubahan keputusan dan kelakuan turut menjadi satu kemungkinan yang bersyarat.

Hubungan perubahan kendiri dan konsep kendiri boleh dinyatakan seperti dalam gambarajah 1.1.4.



Gambarajah 1.2 Hubungan perubahan kendiri dan konsep kendiri.

Namun, ada sarjana (Jones, 1967) yang mencadangkan konsep “kendiri fenomena” (phenomenal self) sebagai “konsep kendiri yang aktif”. Mereka menyatakan bahawa konsep kendiri adalah satu entiti yang terlalu besar dan kompleks untuk dimuatkan kesemuanya dalam

kesedaran seseorang pada masa tertentu. Dengan itu, kesedaran sendiri sebenarnya hanyalah sebahagian sendiri (atau konsep sendiri) yang disedari pada masa itu. Maka, penentuan keputusan dan kelakuan adalah ditentukan oleh sendiri fenomena ini dan bukan konsep sendiri yang “besar” dan kompleks.

Bagaimanapun, perubahan kelakuan tetap berpandukan perubahan sendiri dan konsep sendiri memandangkan perubahan sendiri fenomena selalunya hanya membawa kesan sementara terhadap perubahan kelakuan.

CONTINUE...